

20/09/2000

Jauhi pihak peralat agama untuk diri sendiri

NASIHAT Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika merasmikan majlis Tilawah al-Quran peringkat kebangsaan ke-43 di Sabah, malam kelmarin perlu dihayati dengan penuh rasa insaf dan tanggungjawab. Sebenarnya, isu memutarbelitkan tafsiran agama, sebagaimana disebut oleh Perdana Menteri adalah masalah besar yang dihadapi oleh umat Islam hari ini. Apa yang paling dibimbangkan ialah tafsiran salah mengenai agama ini akan menyebabkan umat Islam terus keliru dan sanggup melakukan tindakan yang boleh menyesatkan mereka daripada landasan Islam sebenarnya.

Sebagai pemimpin, Perdana Menteri sudah pun menjalankan tanggungjawabnya menasihati rakyat mengenai bahaya tafsiran al-Quran dan hadis yang mengelirukan terutama jika ia dibuat oleh golongan yang mempunyai kepentingan politik. Apa yang penting ialah bagaimana umat Islam boleh membendung masalah ini. Bagi mereka yang tahu mengenai kesilapan yang disampaikan oleh golongan berkepentingan kepada umat Islam, mereka tidak seharusnya ragu-ragu untuk menegur perbuatan itu. Berkatalah dengan benar, walau pahit sekali pun. Mereka sepatutnya berani memperbetulkan kesalahan itu demi menegakkan kesucian agama. Umat Islam sendiri, jika tahu, bahawa ajaran yang disampaikan oleh golongan tertentu, terutama pada majlis-majlis politik yang dianjurkan oleh parti tertentu, semata-mata untuk memburukkan umat Islam yang lain, mereka seharusnya meninggalkan majlis itu. Jika tindakan berani ini diambil dari peringkat bawah, kemungkinan besar mereka yang menggunakan platform agama untuk kepentingan politik, tidak berani lagi mengemukakan hujah yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Setiap umat Islam tentunya boleh berfikir dengan fikiran terbuka. Jika selama ini tidak ada orang yang mentafsir ayat al-Quran dan hadis sewenang-wenangnya, tidak timbul masalah perpecahan di kalangan umat Islam di negara ini. Sebagai pembangkang, mereka boleh membangkang atas isu pentadbiran, ekonomi dan sebagainya. Tetapi, apabila mereka mula bercakap mengenai masalah agama, mempersoalkan akidah seseorang dan menuduh orang lain kafir mengikut tafsiran mereka, ia menyebabkan perpecahan yang kian ketara. Rakyat tidak seharusnya menerima alasan yang diberikan kerana ia semata-mata untuk menimbulkan bibit-bibit kebencian terhadap seseorang. Mereka hanya menggunakan kepetahan bercakap untuk mempengaruhi pemikiran dan menipu rakyat atas niat politik. Umat Islam di negara ini akan menjadi begitu hina jika tidak dapat membuat pertimbangan sendiri dalam mengenal kebenaran.

Kajilah latar belakang dan niat seseorang sebelum mempercayai kata-kata mereka. Mempercayai bulat-bulat kata-kata mereka bermakna seseorang itu sudah termasuk dalam perangkap mereka. Jika mereka orang politik, keutamaan mereka sebenarnya adalah untuk memastikan matlamat politik mereka tercapai. Golongan ini akan terus menyuntik jarum kebencian terhadap kerajaan dan pemimpin selagi mereka belum berkuasa. Golongan seperti ini sanggup memperalatkan agama untuk memuaskan nafsu dan seterusnya menghancurkan perpaduan ummah. Bagi golongan ini, mereka sedar hanya setelah rakyat berpecah-belah, barulah mudah untuk mereka untuk menggulingkan kerajaan hari ini. Mereka melihat matlamat mereka hanya boleh dicapai dengan memutarbelitkan isu agama. Sudah menjadi tugas setiap umat Islam supaya berwaspada terhadap golongan ini.

(END)